



DBKL TIDAK ABAIKAN GOLONGAN MISKIN



Dato' Seri Anwar Ibrahim tertarik dengan model Program Perumahan Rakyat yang dilaksanakan oleh DBKL.

DBKL prihatin dengan masalah perumahan yang semakin meruncing di kalangan berpendapatan rendah dan sederhana. DBKL lebih menumpukan pembinaan rumah kos rendah untuk disewa sahaja kepada orang awam dengan harapan dapat mengembangkan stok perumahan awam kos rendah untuk mereka yang benar-benar memerlukan.

DBKL sentiasa memberi penekanan kepada penyediaan perumahan yang secukupnya kepada rakyat dalam matlamat menempatkan semula setinggan dan penyediaan kediaman untuk golongan berpendapatan rendah dalam proses urbanisasi dan pembangunan yang pesat, golongan berpendapatan rendah tidak diabaikan.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Dato' Kamaruzzaman Sharif berkata dengan dalam ucapan awal aluan di Marlis Perumahan Rakyat Perumahan Awam Jelatek Di Bawah Program Perumahan Rakyat oleh Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Beliau menjelaskan pelaksanaan

WAN ABDULLAH GHANI

program perumahan sama ada yang dilaksanakan oleh DBKL atau swasta yang dirancang dan diselaraskan mengikut keperluan wargakota, khususnya bagi golongan miskin dan akan terus akan menjadi agenda utama DBKL.

"DBKL merupakan pemilik perumahan awam yang terbesar di Malaysia. Kini DBKL menguruskan sejumlah 21,039 unit rumah pangsa dan 6,772 unit rumah panjang. Jumlah itu tidak termasuk kira-kira 3,000 unit rumah panjang swasta dan 420 unit rumah pangsa

Gombak Fasa 1 yang sedang di peringkat penyerahan projek," katanya.

Menurutnya, di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) itu, DBKL diberi peruntukan sebanyak RM218.78, iaitu 36.5 % daripada keseluruhan dana berjumlah RM600 juta bagi membina 5,273 unit rumah untuk disewakan. PPR Jelatek merupakan projek yang pertama dilaksanakan.

Beliau berkata, PPR Jelatek yang pertama sekali yang dilancar dan disiapkan berjumlah 441 unit rumah, lima daripadanya bagi golongan yang hilang upaya. Ke arah mewujudkan masyarakat penyayang dan berilmu, pelbagai kemudahan awam bagi kegunaan setempat seperti surau, bilik bacaan, tadika, dewan serbaguna, pejabat pengurusan dan padang permainan kanak-kanak disediakan.

"Empat projek masih lagi dalam pembinaan, iaitu PPR Gombak Fasa 1, PPR Gombak Fasa 11, PPR Lot 3254, Bandar Tun Razak dan PPR Fasa Genting Kelang. PPR di Kg. Limau / Kg. Selamat dan PPR Lot 51020 Bandar Tun Razak masih dalam proses

samb. muka 28



Dato' Seri Anwar Ibrahim menyerabkan kunci Program Perumahan Rakyat Jalan Jelatek kepada seorang penghuni yang berjaya

Rencana Menarik

SUARA BANDARAYA JULAI / AGOS 1996



- 1 DBKL Tidak Abaikan Golongan Miskin
- 2 Rencana Menarik
- 3 Editorial
- 4 Daripada Meja Datuk Bandar
- 5 Berat Mata Memandang, Berat Lagi Bahu Memikul
- 6 Galeri Datuk Bandar
- 7 DBKL Sensitif Kepada Bencana Alam
- 8 Pembangunan Dalam Islam
- 9 Pembangunan Dalam Islam (samb.)
- 10 *The Ever Challenging Kuala Lumpur*



*Kuala Lumpur The Capital City Of Malaysia
Towards A Better Tomorrow*

- 9 Promoting Kuala Lumpur In Osaka
- 10 Remaja Mudah Terpengaruh



- 11 Remaja Mudah Terpengaruh (samb.)
- 12 Majlis Ibadat Korban

- 13 Vandalisma Sifar Matlamat DBKL
- 14 Sajak

- 15 PPR Jalan Jelatek, Bukti Keperihatinan Kerajaan
- 16 Album Bandaraya



- 17 Konsert Mustika Kotaraya Meriah
- 18 Hod Othman, Jasamu Tetap Dikenang
- 19 Izyanti Sedia Terima Cabaran

- 20 Pegawai-Pegawai Bersara Tahun 1996
- 21 Peluang Kali Kedua Ke IPT

- 22 Becemerlangan Awal Bandar Raya
- 23 Uji Dialog

- 24 Peti Cadangan
- 25 Sajak

- 26 Tak Kenal Maka Tak Cinta
- 27 Warna Dan Mekar Di Taman Orkid

- 28 LRT Sebagai Pilihan Baru
- 29 Penyusunan Bayi Di Kalangan Ibu Bekerja

- 30 DBKL Tidak Abaikan Golongan Miskin

- 31 DBKL Tidak Abaikan Golongan Miskin

- 32 DBKL Tidak Abaikan Golongan Miskin

- 33 DBKL Tidak Abaikan Golongan Miskin

- 34 DBKL Tidak Abaikan Golongan Miskin

- 35 DBKL Tidak Abaikan Golongan Miskin

- 36 DBKL Tidak Abaikan Golongan Miskin

- 37 DBKL Tidak Abaikan Golongan Miskin

- 38 DBKL Tidak Abaikan Golongan Miskin



T. Tandan

Suara Bandaraya

EDITORIAL

Penasihat:

Sanusi bin Samid

Editor:

Md. Dahalan bin Md. Noor

Sub Editor

Wan Abdullah Wan Abd. Ghani

Jurufoto:

Mubarak Mohd Atan

Abdul Rani Mohd Sohor

Sumbangan

Kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur digalakkan menyumbang sebarang berita, rencana, karikatur mengenai aktiviti jabatan dan kakitangan untuk dimuatkan dalam Suara Bandaraya. Sumbangan ini boleh disampaikan kepada:

EDITOR

Suara Bandaraya, Bahagian Hal Ehwal Awam, Jabatan Pengurusan Organisasi, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Jalan Raja Laut 50350 Kuala Lumpur atau berhubung dengan Encik Wan Abdullah Wan Abd. Ghani, Tel: 03-2916011 samb. 3855 dan Fax: 2980460

PERHATIAN

Semua pendapat dan fikiran dalam Suara Bandaraya tidak semestinya merupakan pendapat rasmi pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

NOMBOR TELEFON DBKL

Ibu Pejabat

Bangunan DBKL - 2916011

Hot Line (24 Jam) - 4231127

Unit Kecemasan 24 Jam

(JPBandar) - 9833434

Skuad Penyelamat 24 Jam

(DPenguatkuasaan) - 4220033

Aduan Awam - 2934531

Aduan JKAL - 2915128

Aduan JPPerumahan - 2912112

- 2911686

JPelelesen - 2933177

JP Penjaja - 2621986

DPenguatkuasaan - 4231133

JP Pengangkutan Bandar - 2910555

JPPerumahan - 2948160

Bhg. Keb. & Sukoh - 2933644

B. Ukur Bandar - 4111931

Pej. Caw. C. Pesisir - 9711889

Pej. Caw. Damansara - 7182277

Pej. Cawangan -

Jln Kelang Lama - 7826117

Pej. Caw. Kepong - 6272900

Pej. Caw. Setapak - 4211142

Suara Bandaraya

Daripada Meja Datuk Bandar

PERUBAHAN SIKAP



Tan Sri Dato' Kamaruzzaman Shariff

Saya ingin menekankan tentang perannya kita membuat persediaan dalam menghadapi cabaran masa kini demi memastikan DBKL mencapai setiap matlamat yang ditetapkan. Langkah-langkah yang diambil dalam meningkatkan pengurusan DBKL seperti penstrukturan dengan penyusunan semula jabatan-jabatan yang dilakukan sebelum ini tidak akan berkesan sekiranya kita

sendiri tidak berubah sikap daripada negatif kepada positif.

Sebagai pegawai dan kakitangan DBKL kita perlu memberikan sepenuh komitmen terhadap tugas dan tanggungjawab, bekerjasama antara satu sama lain dan tidak mementingkan diri sendiri. Kita harus memperbaiki kelemahan yang ada yang melibatkan pentadbiran. Kita seharusnya mencari sesuatu yang baik, khususnya untuk DBKL dan perubahan itu perlu dilakukan dari masa ke masa.

Perubahan fizikal dan demografi Bandaraya Kuala Lumpur serta perubahan yang akan berlaku memerlukan pegawai dan kakitangan DBKL berusaha meningkatkan pengetahuan dan bidang-bidang berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab

Kita tidak lagi berpuashati dengan sekadar pengalaman dan ilmu yang diperolehi daripada usaha masa lampau. Justeru itu kita harus sentiasa membuka hati terhadap ilmu baru, teknologi baru dan teknik baru.

Saya menyarankan kepada pegawai dan kakitangan DBKL agar sentiasa peka dan tidak jemu untuk mencuba, melihat, mempelajari serta mengamalkan ilmu baru dan teknik baru.

DBKL membelanjakan jutaan ringgit untuk kelengkapan peralatan komputer, namun ia dikendalikan oleh sebahagian kecil pegawai kumpulan pengurusan dan profesional. Pada hakikatnya, penggunaan komputer kini di DBKL belum lagi mencapai peringkat optimum kerana masih ramai pegawai-pegawai kanan belum mampu menjalankan tugas pengawasan dan penyeliaan menggunakan komputer secara berkesan disebabkan kekurangan pengetahuan mengenainya.

Kita perlu menggunakan setiap kemudahan yang disediakan dan perlu berusaha bagi melengkapkan diri dengan ilmu dan teknologi yang sedia ada. Kita perlu memikirkan tentang pendekatan terbaru dan penggunaan teknik terkini dalam pengurusan pejabat dan projek sejajar dengan keperluan pengurusan masa sekarang dan akan datang. Saya mengingatkan supaya pegawai dan kakitangan DBKL bersedia mulai sekarang menyahut cabaran menjelang abad ke 21

Hakmilik

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
(Pustaka Peringatan Kuala Lumpur)